

29 APR 1996

Kemalangan-MIC

KETUA MIC MELAKA TERBUNUH DALAM KEMALANGAN

PETALING JAYA, 29 April (Bernama) -- Ketua MIC Melaka Datuk N.Arunasalam, 53, terbunuh dalam kemalangan jalan raya di sini, malam tadi, apabila beliau di langgar oleh sebuah kereta semasa melintas Jalan Utara untuk pulang ke hotelnya.

Arunasalam, 53, yang juga anggota Dewan Undangan Negeri bagi Bukit Asahan, meninggalkan seorang isteri dan tiga anak.

Seorang pegawai MIC berkata, kejadian itu berlaku lebih kurang 10.30 malam semasa beliau pulang ke hotel Crystal Crown Hotel selepas menghadiri satu majlis.

Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu, yang berada di London, telah diberitahu mengenai kematian Arunasalam.

"Presiden MIC terkejut dengan berita kematian itu yang diterimanya setelah mendarat di London," kata beliau.

Jenazah mendiang Arunasalam akan dibakar di krematorium Hindu Bukit Serindit esok. Jenazahnya dijangka dibawa ke krematorium itu dari rumahnya di Bukit Baru, Ayer Keroh lebih kurang 4.30 petang esok.

Kematian mendiang merupakan tragedi kedua bagi MIC negeri dalam tempoh 16 hari kerana sebelum ini Timbalan Pengerusi MIC Negeri, A. Govindaraju, 52, meninggal dunia akibat serangan penyakit jantung pada 13 April lepas.

Setiausaha Agung MIC, Tan Sri G.Vadivello berkata, kematian Arunasalam adalah kehilangan besar kepada parti dan masyarakat India.

Arunasalam dianggap sebagai antara pengerusi negeri yang paling aktif dan yang paling banyak menyumbangkan kepada perpaduan parti itu di Melaka,

Menurut Vadivello lagi: "Beliau penuh dedikasi dan seorang yang berpengaruh di peringkat akar umbi. Walaupun beliau merupakan ketua parti di sebuah negeri yang kecil, beliau memenangi jawatan anggota jawatankuasa kerja pusat dengan majoriti yang besar pada 1994."

Setiausaha Pemuda MIC, N.Gobi juga bercakap mengenai kesetiaan dan dedikasi Arunasalam yang banyak membawa kejayaan pada politik masyarakat India di Melaka.

Mendiang N. Arunasalam dilahirkan di Seremban pada 1943. Beliau merupakan anak sulung daripada lima beradik dan menerima pendidikan awal di Sekolah Rendah Tamil, Ladang Pajam, Seremban dan kemudiannya di Sekolah Menengah Methodist di Seremban.

Beliau mendirikan rumahtangga pada 1969 bersama Velliammal dan dikurniakan tiga orang anak, iaitu seorang lelaki dan dua perempuan.

Sebelum melibatkan diri dalam bidang politik, mendiang pernah menjadi kerani di Koperasi Kebangsaan Permodalan Berhad dan kemudiannya mendaftar sebagai ahli MIC cawangan Pajam pada tahun 1962 dan berikutnya dilantik sebagai Setiausaha cawangan itu dan seterusnya sebagai Timbalan Ketua.

Beliau kemudiannya dipindahkan ke Tebong, Melaka pada tahun 1977 dan kemudiannya ke Lendu pada tahun 1979 dan seterusnya dipilih sebagai Ketua MIC cawangan Lendu.

Beliau memegang jawatan Setiausaha Pemuda MIC Negeri dari tahun 1977 hinggalah 1979, sebelum dilantik menjadi Ketua Pemuda Negeri daripada tahun itu hinggalah 1984. Seterusnya beliau dilantik menjadi Pengerusi MIC Negeri.

Mendiang menyertai pilihan raya pertama kali pada tahun 1986 bagi kerusi Dewan Undangan Negeri Tebong dengan memenangi dengan majoriti sebanyak 3,143 undi, menewaskan tiga calon yang lain.

Mendiang sekali lagi memenangi pilihan raya pada tahun 1990 dengan

menewaskan calon Semangat 46 dengan majoriti 2,779 undi di tempat yang sama.

Pada tahun 1995, mendiang bertanding di Bukit Asahan dan memperolehi majoriti 4,782 undi dengan menewaskan calon parti Semangat 46, Khairuddin Abdullah.

Sementara itu Ketua Menteri Datuk Seri Mohamad Zin Abdul Ghani menziarahi mayat mendiang Arunasalam di kediamannya di Bukit Baru, dekat sini petang tadi.

Turut menziarahi ialah Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Nasir Manap, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Alam Sekitar dan Kerajaan Tempatan, Datuk Yasin Sarip dan pegawai-pegawai kerajaan.

Ketika diminta mengulas kejadian itu, Mohamad Zin melahirkan rasa terkejutnya dan menganggap Melaka kehilangan seorang pemimpin yang mempunyai hubungan begitu baik dengan masyarakat keseluruhannya.

Beliau berkata, sehingga pilihan raya kecil diadakan, Ketua UMNO Bahagian Selandar, Datuk Sahar Arpan akan menjaga kebajikan penduduk kawasan Bukit Asahan manakala calon yang akan bertanding pada pilihan raya kecil itu akan ditentukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sementara itu, Pengerusi MCA Negeri, Datuk Gan Boon Leong juga menyatakan rasa terkejutnya apabila diberitahu mengenai kejadian itu melalui telefon malam tadi.

"Saya sangka pemanggil hanya bergurau. Bagaimanapun saya terpaksa mengakui yang saya telah kehilangan seorang kawan baik," katanya.

Menurut beliau, mendiang Arunasalam adalah seorang yang bekerja keras untuk menjaga kebajikan masyarakat India di negeri ini dan pemergiannya membuatkan masyarakat India kehilangan seorang pemimpin yang begitu berpengalaman. -- BERNAMA

NS PR